

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI
ANWAR [LEMBAH PANTAI]**

NO. SOALAN : 365

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah keseluruhan pelajar lepasan UPSR daripada keluarga B40 berjaya mendaftarkan diri di MRSM dari tahun 2013 hingga Januari 2018 ; dan
- b) jumlah kuota ditetapkan oleh pihak MRSM dalam member peluang kepada pelajar cemerlang UPSR daripada B40 memasuki MRSM.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan pelajar lepasan UPSR daripada keluarga B40 yang diterima masuk ke MRSM dari tahun 2013 hingga Januari 2018 ialah 18,217 orang pelajar. Taburan pengambilan pelajar kumpulan B40 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PELAJAR B40
2013	3,450
2014	3,485
2015	3,601
2016	3,815
2017	3,866
Jumlah	18,217

Pengambilan pelajar MRSM bagi tahun 2018 masih dilaksanakan bermula Februari 2018.

- b) MARA sentiasa memastikan para pelajar cemerlang berlatarbelakangkan keluarga berpendapatan rendah (B40) dan berpendapatan pertengahan (M40) terutama dari luar bandar diberi keutamaan untuk mendapat pendidikan yang berkualiti di MRSM.

Pengambilan pelajar adalah mengikut pengiraan merit berdasarkan status socio-ekonomi (SES) keluarga. Pengiraan merit telah dinaikkan bagi membolehkan pelajar B40 mendapat markah pemberat yang lebih tinggi bagi meningkatkan lagi peluang mereka meneruskan pengajian ke MRSM. Pelajar B40 yang memenuhi kriteria merit berpeluang untuk meneruskan pengajian ke MRSM dan tiada had kuota.